

25 NOV 1997

IPF SERAH NOTA BANTAHAN KEPADA KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) hari ini menyerahkan nota bantahan kepada kedutaan Amerika Syarikat (AS) di sini terhadap tindakan segelintir anggota kongres AS yang mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan.

Nota bantahan itu diserahkan oleh Ketua Pemuda Kebangsaan parti itu K. Veera dan Setiausaha Bahagian Wanita S.Pathmavathi kepada seorang kakitangan kedutaan.

Veera berkata sungguhpun kakitangan kedutaan itu memberitahunya bahawa kes anggota kongres AS yang menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia itu telah ditutup, namun pihaknya beranggapan bahawa perbuatan mereka adalah tidak wajar dan tidak boleh dilupakan begitu sahaja.

"Malaysia adalah sebuah negara yang cintakan kedamaian dan tidak suka campur tangan hal ehwal negara lain. Tetapi apabila kewibawaan para pemimpin serta maruah negara dicabar, rakyat perlu mempertahankannya," kata beliau.

Sebanyak 100 anggota IPF berkumpul di luar kedutaan AS itu dan membawa poster dan kain rentang yang menyatakan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Dr Mahathir. -- BERNAMA

AKT NMO